

'Gubal perundangan tangani diskriminasi isu gender' ^{mls: 3}

BH - 12/2/2020

Putrajaya: Kerajaan masih dalam proses menggubal kerangka perundangan untuk menangani diskriminasi berasaskan gender, kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Timbalan Perdana Menteri berkata, 16 sesi libat urus diadakan membabitkan pelbagai pemegang taruh diadakan bagi tujuan itu.

Antara pihak terbabit termasuk Kementerian Luar, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik berpengalaman serta mereka mempunyai kepakaran berkaitan.

"Pasukan projek khas (SPT) juga ditubuhkan sejak Februari tahun lalu dan sesi libat urus ini akan diteruskan lagi dengan membabitkan lebih ramai pihak yang berkepentingan.

"Diskriminasi tidak mengira gender, kita tak nak lah kata ada persaingan antara lelaki dan perempuan," katanya selepas merasmikan Hari Keselamatan Internet (SID) 2020 - Edisi Malaysia dan Forum 'Memupuk Fasih Digital Di Era Millenia', di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Eddin Syazlee Shith dan Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Datuk Suriani Ahmad.

Dr Wan Azizah juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, rang undang-undang (RUU) berkaitan gangguan seksual dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat, Mac depan.

Antara elemen dalam draf RUU itu adalah definisi gangguan seksual yang menyeluruh, mekanisme pengaduan dan penyelesaian lebih efektif, elemen remedi dan penalti, selain mengesyorkan standard pembuktian bersesuaian dan adil bagi semua pihak yang terbabit dalam kes aduan gangguan seksual.

Sebelum ini, Dr Wan Azizah dilaporkan berkata, cadangan mewujudkan tribunal khas turut dimasukkan dalam Akta Gangguan Seksual itu kelak.